

Newspaper	Berita Harian
Date	19/6/2011

## Dr Mahathir syor AirAsia ke Afrika

**B**EKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan syarikat tambang murah seperti AirAsia melihat secara serius untuk mengadakan penerbangan ke Afrika dalam usaha memudahkan pelancong serta meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan.

Beliau berkata, pada masa ini, kekurangan laluan seumpama itu membataskan usaha meningkatkan hubungan antara Malaysia dan negara Afrika, walaupun benua itu mempunyai banyak potensi ekonomi yang masih belum diterokai.

Dalam reaksi segera kepada permintaan Dr Mahathir pada Forum Perniagaan Malaysia-Afrika pagi semalam, Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Tan Sri Tony Fernandes memberitahu BERNAMA perkara itu boleh menjadi kenyataan.

"Azran (Ketua Eksekutif Airasia X's, Osman Rani) dan pasukannya melihat kepada Mesir dan Luanda (Angola) serta Nairobi (Kenya)," katanya melalui SMS.

Dr Mahathir juga menggesa kerajaan terbabit supaya meminta bank besar menyediakan pembiayaan mikro kepada perniagaan kecil kerana kewujudan kelompok perniagaan ini amat penting kepada pembangunan ekonomi, khususnya bagi Malaysia dan juga negara di Afrika.

Beliau berkata, bank besar perlu mengambil kira keperluan kumpulan perniagaan lebih kecil dengan mengambil sikap lebih fleksibel dan memberi pertimbangan wajar dalam menawarkan pembiayaan yang sedemikian rupa kepada komuniti.

"Masalah dengan bank besar ini adalah mereka hanya berminat untuk pinjamkan banyak wang kepada perniagaan besar, namun apabila perniagaan kecil hendak mahu meminjam, mereka tidak berminat kerana keuntungannya kecil," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan di Forum Perniagaan Malaysia-Afrika.

"Saya sedar kita perlukan bank kecil. Mereka tidak dapat membiayai projek berjuta-juta ringgit, tapi mereka pasti akan berminat memberikan pinjaman kecil," tambahnya.

Dr Mahathir berkata, langkah membantu komuniti perniagaan pasti akan memberi keuntungan kepada kerajaan.

"Kerajaan tidak perlu menyediakan sebarang modal dan apabila perniagaan mendapat keuntungan, di Malaysia, sekurang-kurangnya 26 peratus daripada keuntungan itu dapat balik kepada kerajaan menerusi cukai.

"Itulah perniagaan terbaik yang dapat dilaksanakan kerajaan tanpa modal," katanya. - BERNAMA



DR MAHATHIR beramah mesra dengan peserta Forum Perniagaan Malaysia-Afrika di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.